



KENYATAAN MEDIA BUKU BARU TERBIT

Buku 111 Resipi Herba Aroma Istimewa

Buku masakan dan resipi adalah bahan bacaan yang selalu dicari oleh suri rumah. Kepelbagaian resipi baru yang dicipta dan diolah oleh chef-chef terkenal negara memberi idea kepada mereka mencuba masakan baru. Lambakan buku masakan di kedai menjadikan rakyat Malaysia kaya dengan pelbagai juadah makanan.

Kali ini, PTS Media Group mengeluarkan sebuah buku resipi yang berasaskan herba-herba yang ada di Malaysia. Buku dengan judul *111 Resipi Herba Aroma Istimewa* adalah buah tangan daripada Chef Hanieliza. Kredibiliti Chef Hanilieza dalam mengolah menu-menu baru tidak perlu disangkal lagi. Beliau menghasilkan lebih daripada 50 buah buku resipi bersama PTS. Antaranya adalah siri *Senangnya Memasak, 50 Resipi Biskut & Kek, Resipi Daun Limau Purut, 1 Hari 1 Resipi, Resipi Warisan*, dan banyak lagi.

Dalam buku terbarunya ini, pembaca dapat mencuba keunikan enam jenis herba yang diadun dalam 111 resipi dan semuanya dihimpunkan dalam sebuah buku. Herba-herba yang digunakan adalah kunyit, bunga kantan, daun kesum, serai, halia, dan daun pudina. Ini adalah tarikan dalam buku ini kerana pembaca dapat merancang dengan teliti menu yang akan dimasak dengan herba tersebut.

Antara menu yang disediakan dalam buku ini adalah *Sambal Ayam Bunga Kantan, Botok-Botok Ikan, Gulai Daging Daun Kesum, Daging Goreng Daun Kunyit, Kerabu Halia Muda*, dan *Ikan Masin Goreng Serai*. Manakala hidangan yang menggunakan daun pudina adalah *Asam Pedas Daging Daun Pudina*, dan *Kerabu Mangga Pudina*.

Aneka resipi ini membantu para ibu di dapur supaya tidak kering idea menyediakan menu yang berlainan setiap hari. Buku ini juga sesuai dimiliki oleh golongan suri rumah dan pembaca yang suka mencuba masakan baru dan unik.

AMIRATUL AWATIF GHAZALI

Konsultan Buku PTS Media Group Sdn. Bhd.

H/P: 016-661 1974

E-mel: awatif@pts.com.my